

KELAS SENJATA M4 CARBINE PU KUALA LUMPUR

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4152-kelas-senjata-m4-carbine-pu-kuala-lumpur

KUALA LUMPUR, 14 Nov 18 - Sel Latih Am PU Kuala Lumpur telah mengkoordinasikan kelas senjata M4 Carbine bertempat di Dewan Angkasaraya. Kelas ini bertujuan sebagai persediaan kepada warga pangkalan bagi latihan menembak tahunan PU Kuala Lumpur yang akan diadakan di lapang sasaran Kem Perdana Sg Besi. Para jurulatih telah menyampaikan kelas secara teori, seterusnya menjalankan latihan praktikal membuka dan memasang senjata M4 Carbine.

